



Keganasan Keluarga dan Rumah Tangga dalam Komuniti LGBTIQ

Di Australia, keganasan keluarga dan rumah tangga tidak diterima.

Orang dari golongan Lesbian, Homoseksual, Dwiseksual, Tukar Jantina, Interseks dan Ganjil (Lesbian, Gay, Bisexual, Transgender, Intersex and Queer - LGBTIQ) mempunyai hak yang sama di Australia, dan semua bentuk diskriminasi terhadap mereka dianggap salah di sisi undang-undang Australia.

Di Australia, semua jenis perhubungan dianggap saksama di bawah undang-undang. Ini bermakna, semua pasangan, termasuk pasangan sama jantina, mempunyai hak untuk menjalinkan perhubungan atau berkahwin.

Semua orang berhak mengalami perhubungan yang positif dan selamat dengan keluarga, kawan-kawan dan orang yang mereka sayangi.

Keganasan keluarga dan domestik dianggap sebagai suatu kesalahan jenayah di sisi undang-undang. Seseorang yang melakukan jenayah ini boleh dikenakan hukuman penjara, tanpa mengira sama ada mereka lelaki atau wanita.

Sekiranya anda atau seseorang yang anda kenal berada dalam bahaya, sila hubungi pihak polis di talian **000**.

Pihak Polis di Australia adalah selamat dan boleh dipercayai.

Untuk mendapatkan maklumat dan kaunseling sulit secara percuma, hubungi 1800RESPECT di talian **1800 737 732**.

Jika anda memerlukan khidmat penterjemah secara percuma, sila hubungi **131 450**.

Kerajaan Australia (Australian Government) tidak akan bertolak ansur terhadap keganasan keluarga dan rumah tangga dalam apa-apa jua keadaan.

Keganasan keluarga dan rumah tangga termasuk tingkah laku atau ancaman yang bertujuan untuk mengawal pasangan dengan menyebabkan mereka berasa ketakutan atau mengancam keselamatan mereka. Keganasan keluarga dan rumah tangga termasuk :

- memukul;
- mencekik;
- menafikan pemberian wang yang diperlukan kepada pasangan atau keluarganya
- memencilkan pasangan tersebut daripada kawan dan keluarganya;
- menghina atau mengkritik pasangannya; atau
- mengancam kanak-kanak atau haiwan peliharaan

Keganasan keluarga dan domestik dalam perhubungan LGBTIQ juga termasuk:

- mengancam untuk menggunakan status interseks, keseksualan, jantina, ekspresi jantina, tukar jantina atau status HIV terhadap pasangan;

- mengancam untuk 'mendedahkan rahsia status' pasangan tersebut kepada keluarganya, kawan-kawannya, komuniti atau di tempat kerjanya.
- mengawal ubat pasangan atau capaian pasangan kepada penjagaan kesihatan berhubung dengan pertukaran jantina, atau
- memberi tekanan kepada pasangan untuk mengikut kebiasaan seks atau jantina.

Terdapat perkhidmatan sokongan di Australia yang boleh membantu anda.

ACON menyediakan maklumat percuma tentang masalah kesihatan yang dihadapi oleh golongan LGBTIQ, termasuk keganasan keluarga dan rumah tangga. Lawati **tapak web ACON** di **www.acon.org.au** untuk mendapatkan direktori yang mengandungi perkhidmatan sokongan bagi LGBTIQ.

1800RESPECT ialah perkhidmatan kaunseling untuk keganasan rumah tangga, keluarga dan serangan seksual kebangsaan Australia. Perkhidmatan ini menyediakan khidmat telefon sulit, khidmat kaunseling dan maklumat dalam talian. Kaunselor akan mendengar kisah anda, menjawab pertanyaan anda dan boleh merujuk anda kepada perkhidmatan sokongan yang lain di kawasan tempatan anda.

Hubungi **1800 737 732** atau pergi ke bahagian maklumat spesifik tentang LGBTIQ di **tapak web 1800RESPECT** di **www.1800RESPECT.org.au**.

Adakah anda memerlukan khidmat seorang penterjemah?

Hubungi **Perkhidmatan Penterjemahan dan Jurubahasa** (Translating and Interpreting Service - TIS) di talian **131 450**. Seorang penterjemah dari TIS akan membantu anda berkomunikasi dengan perkhidmatan-perkhidmatan lain, namun TIS tidak menyediakan khidmat kaunseling. Semua panggilan adalah percuma dan sulit